

09/08/1997

Kesanggupan rakyat majukan pertanian

KERAJAAN boleh menggubal dasar, menyediakan program, projek atau pelan tindakan bagi meningkatkan perkembangan sektor pertanian. Malah, kita sudah pun mempunyai beberapa dasar termasuk Dasar Pertanian Negara (DPN) demi menjaga kepentingan sektor itu. Malangnya, dasar seperti ini tidak begitu menarik perhatian majoriti rakyat kerana ia sering dikaitkan dengan tugas yang terpaksa berpandukan faktor alam - hujan dan panas.

Apakah rakyat, terutama mereka yang berpendidikan tinggi sanggup bertugas dalam sektor yang tidak glamour ini. Hari ini, kebanyakan rakyat menumpukan kerjaya dalam bidang profesional lain. Mereka membandingkan tugas di bilik mesyuarat yang berhawa dingin dengan tugas di ladang yang panas terik. Jika ada modal, mereka lebih suka membuka kilang pembuatan dan alat elektronik daripada membuka kilang memproses bahan pertanian.

Dalam kepesatan ekonomi terutama dalam proses perindustrian, setiap kita harus memikirkan langkah meningkatkan hasil pertanian negara, sama pentingnya dengan sektor lain. Kemakmuran bermakna kita akan meningkatkan bilangan penduduk. Kerajaan tidak pernah meletakkan sektor pertanian sebagai kelas dua kerana sedar sejauh mana sekali pun pencapaian negara ini, ia tidak boleh memisahkan diri dengan sektor pertanian. Sebaliknya, rakyat sendiri yang memandang rendah kepada sektor ini kerana menganggapnya sebagai sektor tradisi. Bagi mereka, tugas di sektor ini perlu dilakukan oleh orang tua, sedangkan mereka yang mempunyai sedikit pendidikan perlu menjawat jawatan di pejabat kerajaan atau swasta. Malah, ramai yang sanggup bekerja di kilang sebagai operator pengeluaran daripada bekerja di sawah padi.

Kita boleh menjadi sebuah negara perindustrian tetapi pada masa yang sama kita tidak boleh mengabaikan sektor pertanian. Kita mungkin boleh memberi alasan bahawa bahan pertanian boleh diimport dengan hasil kekayaan negara. Pada kita ini adalah kenyataan bahaya kerana ia boleh melemahkan semangat untuk meningkatkan sektor pertanian. Di Malaysia, kita perlu mempunyai bekalan hasil pertanian sendiri kerana ia boleh mengawal pengaliran wang ke negara asing seterusnya membendung inflasi. Kita juga perlu bertanya kepada diri sendiri, berapa lama harus kita bergantung kepada import makanan, sedangkan negara ini mempunyai tanah yang luas, cuaca yang berpihak kepada sektor pertanian, tenaga pakar dan teknologi untuk membangunkan industri pertanian.

Apa yang menyedihkan kita hari ini ialah kurangnya minat rakyat untuk membabitkan diri dalam sektor pertanian. Akibatnya negara mengalami kekurangan peladang dan kesannya terpaksa menggunakan tenaga asing. Semua ini berlaku akibat penghijrahan rakyat dari luar bandar ke bandar. Hasil sistem pendidikan yang berkesan memberi peluang begitu luas kepada rakyat untuk bekerja yang sesuai dengan kelulusan masing-masing. Akibatnya sektor pertanian yang biasanya dikaitkan dengan luar bandar, terus ketinggalan. Jika ada pun ia hanya diusahakan oleh golongan tua. Anak-anak mereka enggan lagi mengharung lumpur di sawah atau menoreh getah yang memaksa mereka bangun subuh.

Pada kita ramai pihak yang tidak dapat melihat kemajuan sektor pertanian yang berkembang seiring dengan kemajuan sains dan teknologi hari ini. Sebenarnya, jika diusahakan dengan sistematik, petani moden hari ini tidak perlu lagi mengerah tulang empat kerat untuk mengaut hasil pertanian. Segala-galanya boleh dilakukan dengan jentera dan mesin. Bantuan alat teknologi ini bukan saja meringankan tugas tetapi menjamin hasil yang

lumayan. Mungkin faktor penghalang ialah dari segi kos penggunaan alat seperti ini. Disebabkan masih mengamalkan sikap lama, ramai mereka yang terbabit dalam bidang pertanian mahu mengekalkan amalan tradisi. Dalam sektor pertanian hari ini, bentuk usaha secara tradisi yang mana setiap keluarga mengusaha tanah pertanian masing-masing, sudah tidak sesuai lagi. Mereka memerlukan satu gabungan sumber, usaha dan tenaga sebagaimana pelaksanaan jentera sebuah syarikat besar. Menerusi cara ini, pengeluaran bukan saja boleh digabungkan malah kos dapat dijimatkan. Memanglah tidak ekonomik, sebuah keluarga yang mengusaha tanah yang kecil menggunakan jentera berat yang mahal harganya. Tetapi, jika mereka dapat berkongsi dan mengusahakan tanah yang mereka miliki, kosnya akan jauh berkurangan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pun menjelaskan perkara ini berulang kali. Selagi tanah pertanian tidak diusahakan secara komersil sebagaimana sebuah syarikat mengendalikan urusan pengeluaran dan perniagaannya, sukar sektor pertanian berkembang.

(END)